

Kertas Model UASA SJK (C)



教育出版社

UASA


模拟测评

国文 Bahasa Melayu

5 set Kertas Model UASA

Berpandukan
Modul Peralaksanaan Item

UASA & JSU



6 年級

KSSR Semakan

Mohd Izzatul Syah, Jennifer Alin



1 jam 15 minit

Kertas Model UASA 1

Aras keutamaan dan nisbah	Berajah (R)	Cerdikan (S)	Tinggi (T)
	5	3	2
Jumlah markah Bahagian A, B, C dan D	50		

50

Bahagian A [10 markah]

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Dato' Ahmad akan ke Politeknik Bagan Datuk pada minggu hadapan pada minggu hadapan _____ akan merasmikan Majlis Suai Kenal pelajar kolej itu.

A Dia

B Beliau 尊重人的他

C Mereka

D Baginda

Kata Ganti Nama R

2 Pelayan itu akan menghidangkan _____ yang sudah siap sebentar lagi.

A dimakan 被

B makanan (名词) 食物

C memakan

D pemakanan 食物 (名)

Kata Berimbuhan R

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

3 A Mereka pergi ke kedai basikal untuk membeli pensel.

B Adik menolong ibu membasuh pinggan di (ruang tamu) 客厅

C Ayah tidur di atas meja kerana kepenatan selepas bekerja.

D Ali suka menonton televisyen (pada masa lapang) 空闲 bersama adik.

Ayat Aktif S

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada hujung minggu yang lalu, Amir dan keluarganya pergi beriadah di taman rekreasi. Mereka tiba di taman rekreasi itu pada awal pagi. Mereka terus melakukan senaman ringan.

Selepas itu, Amir berlari-lari anak di sekeliling tasik sambil menghirup udara segar. Selesai bersenam, mereka duduk di bawah pokok besar untuk menikmati sarapan. Ibu membawa sarapan yang enak dari rumah.

Amir membantu ibunya mengemas bekas makanan dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan. Dia berasa gembira kerana dapat meluangkan masa bersama keluarga sambil menjaga kebersihan taman rekreasi itu.

- 4 Apakah aktiviti yang dilakukan oleh Amir dan keluarganya pada hujung minggu yang lalu?
- A Melawat muzium
 - B Berkelah di tepi pantai
 - C Beriadah di taman rekreasi
 - D Membeli-belah di pasar raya
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Amir berasa gembira kerana dapat berlari dengan pantas.
 - B Amir berasa gembira kerana mendapat hadiah daripada ibu.
 - C Amir berasa gembira kerana dapat bermain dengan rakan-rakan.
 - D Amir berasa gembira kerana dapat meluangkan masa bersama keluarga.
- 6 Yang berikut ialah perkara yang dilakukan oleh keluarga Amir di taman rekreasi berdasarkan petikan **kecuali**
- A melakukan senaman ringan.
 - B berlari-lari anak di sekeliling tasik.
 - C mengemas pakaian di dalam beg.
 - D membuang sampah ke dalam tong sampah.

Pemahaman – Petikan R

Pemahaman – Petikan S

Pemahaman – Petikan

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahan 1

Pada setiap minggu, Hani menyimpan sebahagian daripada (wang sakunya) di dalam tabung berbentuk kucing. Walaupun jumlahnya tidak banyak, dia tetap berasa seronok melihat tabungnya semakin penuh. Ibu selalu berpesan kepada Hani supaya menabung kerana merupakan amalan yang baik. Amalan menabung dapat membantunya jika memerlukan wang pada masa hadapan.

Beberapa bulan kemudian, Hani sudah boleh menggunakan wang tabungannya untuk membeli buku rujukan dan alat tulis baharu. Dia berasa bangga kerana dapat membeli keperluan sekolah dengan wang hasil simpanannya sendiri. Sejak itu, dia berazam untuk terus menabung. Dia juga mengajak rakan-rakannya melakukan perkara yang sama.

Bahan 2

Cara-cara Menjimatkan Perbelanjaan

Buat senarai barang sebelum membeli

Beli barang yang benar-benar perlu.

Bawa bekal dari rumah

Tidak perlu membeli makanan di luar setiap hari.

Bandingkan harga sebelum membeli

Pilih barangan yang lebih murah tetapi berkualiti.

Utamakan keperluan berbanding kehendak

Belilah barang penting seperti makanan, buku dan alat tulis dahulu sebelum barang hiasan atau permainan.

Elakkan pembaziran

Gunakan barang sehingga habis sebelum membeli yang baharu supaya wang simpanan dapat dikumpul.

- 7 Apakah bentuk tabung yang digunakan oleh Hani?
- A Bentuk hati
 - B Bentuk rumah
 - C Bentuk bunga
 - D Bentuk kucing

Pemahaman – Pelbagai Bahan R

- 8 Beberapa bulan kemudian, Hani sudah boleh menggunakan wang tabungannya untuk membeli buku rujukan dan alat tulis baharu.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A buah.
- B helai.
- C pucuk.
- D batang.

Penjodoh Bilangan R

- 9 Perkataan *simpanan* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A kutipan.
 - B tabungan.
 - C kumpulan.
 - D pegangan.

Pemahaman – Pelbagai Bahan S

- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2**.
- A Kita hendaklah berbelanja tanpa membuat perancangan.
 - B Kita mestilah berjimat cermat dan menggunakan wang dengan bijak.
 - C Hani menabung supaya dapat membeli pakaian baharu yang mahal.
 - D Hani suka membazir wangnya untuk membeli permainan baharu setiap minggu.

Pemahaman – Pelbagai Bahan T

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada waktu rehat, Mei Ling dan rakan-rakannya bermain congkak di pondok sekolah. Mereka mengira buah congkak yang semakin berkurangan di dalam lubang papan sambil (ketawa keriang) Aktiviti itu membuatkan hubungan mereka lebih rapat sebagai rakan sekelas.

Selepas bermain, Mei Ling mengemas papan congkak dan menyimpannya semula di pusat sumber sekolah. Guru pusat sumber sekolah, Cikgu Linda memuji sikap bertanggungjawab Mei Ling yang menjaga peralatan sekolah dengan baik. Mei Ling berasa bangga kerana dapat memberikan contoh yang baik kepada rakan-rakannya.

- (a) Mei Ling dan rakan-rakannya bermain congkak di _____.

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastra R [1 markah]

- (b) Mengapakah guru pusat sumber sekolah memuji Mei Ling?

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastra R [2 markah]

- (c) Gariskan satu kata sendi nama yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Selepas bermain, Mei Ling mengemas papan congkak dan menyimpannya semula di pusat sumber sekolah.

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastra S [1 markah]

- (d) Pilih dan tulis (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Guru pusat sumber sekolah, Cikgu Linda memuji sikap bertanggungjawab Mei Ling yang menjaga peralatan sekolah dengan baik.

Mei Ling memuji sikap bertanggungjawab Cikgu Linda, guru pusat sumber sekolah yang menjaga peralatan sekolah dengan baik.	
---	--

Sikap bertanggungjawab Mei Ling yang menjaga peralatan sekolah dengan baik dipuji oleh Cikgu Linda, guru pusat sumber sekolah.	
--	--

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastra T [1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Guru kelas meminta kamu dan rakan-rakan berkumpul di dewan untuk mendengar ceramah tentang keselamatan jalan raya. Dua orang rakan kamu berlari-lari untuk cepat sampai ke dewan.


Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

Penyelesaian Masalah – Rumusan / Ramalan R/S/T [5 markah]

Bahagian C

[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang cara-cara menjaga kebersihan kelas. Tulis pendapat kamu tentang **cara-cara menjaga kebersihan kelas**. Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan. Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



Penulisan Perenggan – Pendapat / Cadangan R/S/T [10 markah]

